

Jakoa nafi abai keperluan

Kemudahan Orang Asli Pulau Carey dalam proses naik taraf



Sebahagian masyarakat Orang Asli Bukit Tadam bersemangat ketika meraikan hari kemerdekaan kelmarin.

BANTING - Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) Daerah Kuala Langat menafikan kemudahan asas bagi penduduk Orang Asli di Kuala Langat tidak diberi perhatian.

Pegawainya, Jantan Awang berkata, buat masa ini 99.9 peratus kawasan Orang Asli mendapat kemudahan air dan elektrik.

Menurutnya, jika ada pun hanya di Pulau Carey saja yang masih belum menikmati kemudahan itu sepenuhnya berikutan kawasannya terletak di pedalaman dan terpaksa melalui jalan ladang.

“Segala aduan telah pun dipanjangkan...berkenaan masalah di Pulau Carey pula, Jakoa sedang melalui beberapa proses



JANTAN

ke arah menaiktarafkan segala kemudahan dan menyelaras kemudahan asas yang masih belum dinikmati.

“Buat masa ini kebanyakan penduduk Orang Asli berpuas hati dengan kemudahan yang kita sediakan termasuk

kemudahan infrastruktur yang berterusan,” katanya.

Dalam pada itu, Jantan berkata, buat masa ini pihaknya menggalakkan generasi muda terlibat dalam latihan kemahiran kerjaya yang membolehkan mereka mendapat tempat dalam pelbagai sektor dan tidak tertumpu dalam sektor pertanian semata-mata.

“Saya gembira bila dapat tahu ramai kalangan Orang Asli kini berjaya dalam pelbagai bidang termasuk sukan.

“Mereka juga bersemangat ketika rai kemerdekaan kelmarin...ini membuktikan mereka sudah faham erti merdeka dan teruja mengibarkan Jalur Gemilang di kawasan rumah mereka,” katanya.